



PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PROSEDUR UNTUK PULANG KE KAWASAN YANG DIKUATKUASAKAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) BAGI SYARIKAT PRODUKSI YANG SEDANG MENJALANKAN AKTIVITI PENGGAMBARAN DI KAWASAN PKP-BERSYARAT (PKPB)

Petaling Jaya, 20 Januari 2021 – Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) merujuk kepada Sidang Media oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Menteri Kanan Pertahanan pada 19 Januari 2021 yang memutuskan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di enam (6) buah negeri lagi iaitu Kedah, Perak, Negeri Sembilan, Pahang, Terengganu dan Perlis bermula pada 22 Januari sehingga 4 Februari 2021 dan sekaligus menjadikan pelaksanaan PKP di seluruh negara kecuali bagi Negeri Sarawak.

Sehubungan itu, FINAS ingin memaklumkan kepada semua syarikat produksi bahawa aktiviti penggambaran adalah tidak dibenarkan di seluruh kawasan yang dikuatkuasakan PKP. Justeru, FINAS mencadangkan kepada mana-mana syarikat produksi yang sedang menjalankan aktiviti penggambaran di negeri yang dikuatkuasakan PKP-Bersyarat pada masa ini agar menyegerakan perjalanan pulang bagi mengelakkan sebarang kekangan dan kesulitan sebelum pelaksanaan PKP di seluruh negara kecuali Negeri Sarawak berkuatkuasa 22 Januari 2021.

Untuk makluman, FINAS melalui Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) telah mendapatkan pencerahan daripada pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) berhubung perkara tersebut. Rentetan daripada itu, FINAS mengesyorkan kepada mana-mana syarikat produksi yang ingin melakukan perjalanan pulang melibatkan pergerakan rentas negeri perlulah mendapatkan kelulusan pergerakan rentas negeri daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan menyertakan Sijil Perakuan Penggambaran (SPP) yang dikeluarkan oleh FINAS sebagai dokumen sokongan.

UNTUK EDARAN SEGERA

FINAS akan memaklumkan perkembangan terkini dari semasa ke semasa melalui medium hebahan media dan laman sesawang FINAS di www.finas.gov.my serta media sosial rasmi *Facebook*, *Instagram* dan *Twitter* @FINASMalaysia. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh berhubung terus dengan Unit Komunikasi Korporat FINAS di talian **03-7968 2182** atau emel di info@finas.my.

Dr. Ahmad Idham Ahmad Nadzri
Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)
20 Januari 2021